

- **SIARAN MEDIA**

Untuk Siaran Segera

**Penjelasan berkenaan Tapak Bazar Ramadhan di
Plaza Alam Sentral**

Shah Alam, 1 Julai, 2014 – Berikutan aduan yang dibuat oleh para penyewa tapak bazaar Ramadhan kepada akhbar Sinar Harian, pihak pengurusan Plaza Alam Sentral ingin menerangkan bahawa tapak tersebut ada masalah teknikal yang diluar jangkaan kami dan kontraktor yang telah dilantik oleh kami telah gagal menyiapkan tapak Bazar Ramadhan tersebut pada tarikh yang telah ditetapkan oleh pihak kami.

Justeru itu, kami telah mengeluarkan peringatan kepada pihak kontraktor terbabit untuk menyiapkan tapak bazar tersebut dan pada masa yang sama, kami juga sedang menyelesaikan masalah teknikal yang melibatkan talian kabel elektrik. Kami yakin masalah tersebut akan dapat diselesaikan secepat mungkin.

Kami juga telah dan sedang berbincang dengan para penyewa tapak bagi menyelesaikan sebarang ketidakpuasan hati dan kami percaya isu ini boleh diselesaikan dengan kadar segera dan adil bagi semua pihak.

-tamat-

Untuk maklumat selanjutnya, sila hubungi:-

Puan Mohaini bt Mohd Yusof,
Ketua, Pengurus Besar, Komunikasi Korporat
Tel. no: 03-27868034, 03-27868035 or 019-2678727 (h/p)
